

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN
(BAYAN BARU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan cukai pendapatan yang dibayar oleh 20 orang terkaya di Malaysia mengikut rekod LHDN. Senaraikan jumlah cukai yang mereka bayar daripada yang terkaya sehingga tempat ke-20.

JAWAPAN

Maklumat pembayar cukai pendapatan seperti cukai yang dibayar adalah tertakluk kepada kerahsiaan dimana peruntukan kerahsiaan ini dinyatakan dibawah seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang menghalang Kerajaan daripada mendedahkan maklumat pembayar cukai pendapatan kepada mana-mana pihak.

2. Aspek kerahsiaan maklumat pembayar cukai ini bertujuan untuk menjaga kepentingan pembayar cukai dan keyakinan mereka kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) bahawa maklumat peribadi mereka sentiasa disimpan dan dilindungi dengan rapi. Pada masa sama, aspek kerahsiaan ini menunjukkan tahap integriti tertinggi di pihak Kerajaan dan LHDN yang mengiktiraf pembayar cukai yang patuh kepada undang-undang cukai.